



Perpustakaan Ibu Pejabat  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Jalan Cenderasari  
50590 Kuala Lumpur.

## KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

---

### PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL: 3 /99

---

#### PEMBERIAN SIJIL CUTI SAKIT OLEH PEMBANTU PERUBATAN

##### TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk mengemaskini peraturan sediaada mengenai pemberian sijil cuti sakit oleh Pembantu Perubatan di Klinik Kesihatan di seluruh negara.

##### LATAR BELAKANG

Sejak kebelakangan ini pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah menerima beberapa pertanyaan mengenai sijil cuti sakit yang dikeluarkan oleh Pembantu Perubatan yang bertugas di Klinik-klinik Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Mengikut 'Employment Act 1955 (Act 265), Akta Perubatan 1951 dan Perintah Am Bab 'C', dimana hanya seorang pengamal perubatan /pergigian yang berdaftar sahaja boleh mengeluarkan sijil cuti sakit.

Memandangkan terdapatnya Klinik Kesihatan terletak di kawasan pendalaman dimana seorang Pegawai Perubatan hanya berada di klinik secara lawatan pada hari-hari tertentu, maka pesakit-pesakit yang datang mendapatkan rawatan dari seorang Pembantu Perubatan jika difikirkan perlu mendapat cuti sakit maka dalam keadaan sedemikian bolehlah mengeluarkan cuti sakit untuk mengelakkan kesulitan yang bakal dihadapi oleh pesakit.

## PELAKSANAAN

Dengan ini Kementerian memaklumkan bahawa jika keadaan memerlukan, Pembantu Perubatan boleh memberi cuti sakit dan mengeluarkan Sijil Cuti Sakit atas syarat-syarat yang berikut:

1. Hanya di Klinik Desa (Sarawak) dan Klinik Kesihatan yang berada di kawasan-kawasan terpencil dimana Pegawai Perubatan atau Pegawai Pergigian, mengikut yang mana berkenaan, hanya membuat lawatan-lawatan mereka mengikut jadual.
2. Tempuh cuti sakit yang boleh diberi mestilah tidak melebihi daripada 2 hari dalam sebulan bagi setiap kes.
3. Pegawai Perubatan atau Pegawai Pergigian, mengikut yang mana berkenaan hendaklah pada tiap-tiap kali lawatannya, memeriksa kounter foil Sijil Cuti Sakit dan menurunkan tanda tangan timbal di atas tiap-tiap helai kounter foil itu setelah mereka membuat kajian dan memuaskan hatinya bahawa cuti sakit yang diberikan itu adalah berpatutan.
4. Syarat-syarat yang tersebut di atas tidaklah meliputi kes-kes perundangan perubatan atau Pampasan Pekerja yang mana tiap-tiap satu kes tersebut hendaklah dirujuk kepada Pegawai Perubatan yang terdekat sekali.


## PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia ini maka Pekeliling bil.( 24 ) dlm. KK 21525 bertarikh 12 hb. Jun 1975 adalah dibatalkan.

## TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

  
(TAN SRI DATO' DR. ABU BAKAR BIN SULEIMAN)  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

12 Julai 1999